

29 OCT 1997

G15 : WAKIL PERIBADI KETUA KERAJAAN BINCANG MENJELANG SIDANG KEMUNCAK

KUALA LUMPUR, 29 Okt (Bernama) -- Wakil-wakil Peribadi semua ketua kerajaan Kumpulan 15 negara-negara membangun (G15) bermesyuarat hari ini menjelang sidang kemuncak pemimpin mereka di sini mulai Isnin ini.

Mesyuarat ke-39 wakil-wakil itu dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Luar II, Datuk N. Parameswaran.

Mesyuarat itu adalah sebagai persediaan bagi sidang kemuncak tiga hari itu yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

G15 terdiri daripada Algeria, Argentina, Brazil, Chile, Mesir, India, Indonesia, Jamaica, Malaysia, Mexico, Nigeria, Peru, Senegal, Venezuela dan Zimbabwe. Kenya akan diterima secara rasmi sebagai anggota ke-16 pada sidang kemuncak kali ini.

Kumpulan itu ditubuhkan pada 1989 sebagai forum perbincangan bagi negara-negara Selatan mengukuhkan kerjasama dan menetapkan pendirian berhubung isu-isu kepentingan bersama. -- BERNAMA

MAM RAZ MAI